

Buku memang banyak tapi...

Kosmo m/s 8 1.4.07

FAKTOR kekurangan penulis berkaliber dalam menghidupkan pembudayaan membaca menjadi punca utama yang mengakibatkan industri perbukuan lesu walaupun telah banyak usaha proaktif dijalankan.

Biarpun negara kita kini memiliki ramai intelektual daripada pelbagai bidang, dorongan untuk menulis secara ilmiah dan kreatif sehingga mampu menerbitkan buku seperti di Barat langsung tiada.

Pengurus Besar Alaf 21, Norden Mohamed berkata, minat membaca di kalangan masyarakat sentiasa bertambah namun hasrat murni itu 'tersekat' kerana kurangnya judul

penerbitan.

"Ini seterusnya menyebabkan penerbit buku 'terhimpit' antara pembaca yang sentiasa mahukan judul-judul baru dengan kekurangan penghasilan manuskrip," ujarnya ketika dihubungi KOSMO! Ahad.

Di samping itu juga, corak pemilihan bahan bacaan yang semakin pelbagai dan tidak terhad kepada penulisan kreatif sahaja dilihat semakin berkembang di negara ini.

"Penerapan unsur-unsur ilmiah dalam karya kreatif merupakan satu ramuan terbaik yang dapat dihasilkan kepada pembaca sekiranya golongan intelektual ini menyumbang kepada industri ini," katanya.

Dalam pada itu, kemudahan perpustakaan maya atau *library online* yang mudah dan pantas bagi mendapatkan fakta dan kandungan buku tidak memberi impak terhadap penerbitan buku konvensional.



Menurut Pengerusi Yayasan Pembangunan Buku Negara, Shaari Abdullah, jumlah penerbitan buku sejak dua tahun kebelakangan ini amat menggalakkan berbanding sedekad lalu.

"Peningkatan sebanyak 60 syarikat penerbitan menunjukkan peminat buku tidak menjadikan internet sebagai bahan utama dalam mencari ilmu seperti sangkaan banyak pihak," jelasnya.

Malahan, standard buku yang sentiasa dipertingkatkan menjadi faktor utama bahan bacaan berbentuk buku tetap digemari pembaca dari semua peringkat.

"Cuma sekarang, kita mengalami masalah dari segi kekurangan tenaga editorial dan ini membuatkan penerbitan buku di Malaysia agak perlahan berbanding luar negara," katanya yang ditemui di pejabatnya.

Beliau juga menolak harga buku tinggi menjadi punca 'kemurungan' industri itu kerana isu mahal adalah subjektif dan tidak menghalang seseorang minat membaca dari membeli bahan yang dia gemar.

 Ini seterusnya menyebabkan penerbit buku 'terhimpit' antara pembaca yang sentiasa mahukan judul-judul baru dengan kekurangan penghasilan manuskrip 

— ZULKIFLI